

SIARAN MEDIA

KPWKM TEKAD LINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA EKSPLOITASI JENAYAH SEKSUAL DALAM TALIAN

PUTRAJAYA, 4 SEPTEMBER – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah melancarkan Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak bertempat di IOI City Mall, Putrajaya.

Objektif utama penganjuran kempen ini adalah untuk meningkatkan kefahaman kanak-kanak berkenaan penggunaan media sosial secara bijak dan selamat serta memberi pendedahan kepada kanak-kanak berkenaan bahaya media sosial. Ia juga merupakan langkah pencegahan dan bertujuan memberi kesedaran kepada ibu bapa, ahli keluarga serta masyarakat untuk melindungi kanak-kanak daripada pihak atau individu yang tidak bertanggungjawab.

Berdasarkan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 78.3% ibu bapa di Lembah Klang membenarkan anak-anak memiliki gajet dan telefon pintar yang merupakan gajet paling popular untuk melayari internet dengan capaian penggunaan sebanyak 98.7%. Kemunculan pelbagai aplikasi dalam talian yang mudah dimuat turun dan menjadi trend kepada gaya hidup kini seperti Tik Tok, Instagram, *WeChat* dan banyak lagi. Aplikasi-aplikasi ini akan menjadikan waktu melayari internet kanak-kanak tidak terkawal sehingga mendedahkan mereka kepada eksploitasi dan jenayah seksual dalam talian.

Eksplotasi seksual secara dalam talian terhadap kanak-kanak dilihat semakin meningkat terutamanya pendedahan kepada perkongsian dan capaian bahan pornografi yang semakin meluas. Menurut PDRM sejumlah 106,764 *IP address* yang berdaftar di Malaysia telah membuat perkongsian pornografi kanak-kanak semenjak tahun 2017 hingga Ogos 2022.

Sehingga Jun 2022, sejumlah 3,532 daripada 6,775 jumlah keseluruhan kesalahan seksual yang melibatkan kanak-kanak telah direkodkan, manakala sehingga Mei 2022, JKM mencatatkan 417 kanak-kanak berhadapan penderaan seksual dengan jumlah keseluruhan 1,898 kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

YB Datuk Seri Rina dalam ucapannya berkata “Kementerian tidak boleh bertolak ansur dengan perbuatan mengeksploitasi kanak-kanak secara seksual. Tindakan ini juga adalah selaras dengan komitmen Negara ke atas Artikel 34 (Eksplotasi Seksual) di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menyatakan bahawa Kerajaan perlu melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi dan penderaan seksual”.

Justeru itu, Kementerian melalui JKM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memperkenalkan **KAKTUS** sebagai lambang kepada kebersamaan ahli komuniti dan Kerajaan dalam menangani isu jenayah seksual kanak-kanak di media sosial. Manakala program advokasi berkaitan hak kanak-kanak diterajui oleh Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) berusia di antara 14 hingga 17 tahun. Mereka mewakili suara kanak-kanak di Malaysia dengan mengesyorkan kepada Kerajaan mengenai perkhidmatan yang diperlukan oleh kanak-kanak.

KPWKM melalui JKM sentiasa komited untuk memastikan kanak-kanak dilindungi daripada eksploitasi terutamanya yang melibatkan jenayah seksual dalam talian. Kementerian menyeru masyarakat awam untuk segera membuat laporan kepada pihak PDRM ataupun **Talian Kasih 15999** dan **Aplikasi Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam** apabila mengetahui atau mengesyaki apa-apa kes eksploitasi kanak-kanak. Bersama-sama kita pastikan kanak-kanak dilindungi dan selamat supaya kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak sentiasa terpelihara.

**Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat**